

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans rumah anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu Homeguard?

Polisi Homeguard menyediakan perlindungan bagi isi kandungan rumah dan barangan peribadi anda. Ia melindungi kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat, letupan, kerosakan akibat pesawat, kerosakan akibat hentaman, tangki, radas atau paip air rumah pecah atau melimpah dan peril-peril lain yang dinyatakan di dalam polisi.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM496.00 setahun, anda akan menerima perlindungan yang berikut dengan jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM70,000 bagi keluasan lantai sebanyak 1,001 sehingga 2,500 kaki persegi:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
Kandungan - Kerugian atau kerosakan kepada isi kandungan akibat: - Kecurian - Rusuhan, mogok dan kerosakan dengan niat jahat - Penenggelaman dan tanah runtuh - Kerosakan pada cermin (sehingga) : RM500 - Bayaran pasukan bomba (sehingga) : RM500 - Kehilangan wang tunai (sehingga) : RM500 - Penggantian kunci luar (sehingga) : RM500 - Makanan yang dibekukan : RM500 - Barangan peribadi orang gaji domestik dan tetamu (sehingga) : RM250 - Pengalihan debris : 5% dari Jumlah Yang Diinsuranskan Perkara-perkara Luar Jangkaan Yang Lain - Liabiliti kepada awam : RM300,000 - Perlindungan Kemalangan Diri : RM25,000 (sehingga)	- Kerugian, kerosakan atau perkara-perkara luar jangkaan lain akibat: - Perang, dahagi, kuasa tentera atau rebutan kuasa; - Bahan-bahan senjata nuklear; atau - Kerugian turutan atau kerosakan lanjutan dalam apa jua keadaan. - Bagi perlindungan Kemalangan Diri, kematian atau hilang upaya kekal ketika : - Pengendalian atau menunggang kenderaan motor beroda dua; - Ketidaksiuman, bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan sendiri; - Penyakit, jangkitan atau parasit; atau - Kelahiran anak, keguguran atau sebarang komplikasi kehamilan kecuali disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan.
Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan dengan menambah Manfaat Pilihan berikut: Bantuan Perubatan Domestik (DMA)	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	
Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
allianz.com.my/homeguard-insurance



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini, anda mesti membayar premium:	
Perlindungan Asas	RM496.00 setahun
Perlindungan Tambahan – Bantuan Perubatan Domestik (DMA)	RM1.20
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM497.20	
Di mana ini termasuk:	
Komisen	20% daripada premium atau RM99.44
Pemegang polisi induk perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM39.77
Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.	

4 Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Anda mesti memberi maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Jumlah Yang Diinsuranskan – Anda harus memastikan isi rumah diinsuranskan atas jumlah yang bersesuaian dan diiringi dengan pengisytiharan barangan yang melebihi 5% dari Jumlah Yang Diinsuranskan. Jumlah nilai platinum, emas dan barangan perak, barang kemas dan pakaian bulu binatang hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada Jumlah Yang Diinsuranskan.
- Jika barangan yang melebihi 5% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan tidak diisytiharkan, maka jumlah maksimum yang boleh dituntut (jika berlaku kerugian) hanyalah 5% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan.
- Allianz tidak akan bertanggungjawab sekiranya rumah kediaman persendirian anda yang dilindungi di bawah polisi ini ditinggalkan atau tidak dihuni selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari, sama ada secara berterusan atau tidak, semasa tempoh diinsuranskan.
- Waranti premium – Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh perlindungan bermula. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatic dan Allianz berhak menerima premium pro-rata bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk butiran penuh terma dan syarat.



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kepada Allianz.

- Apabila anda menamatkan polisi ini, anda berhak untuk mendapat bayaran balik premium setelah kami telah mengenakan caj kepada anda berdasarkan kadar jangka pendek kami yang lazim bagi tempoh kami telah menanggung risiko di bawah polisi ini.